



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1952

DR.26/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 234.

(a) dengan menggantikan takrif "opium poppy" dengan takrif yang berikut:

"opium poppy" means any plant from which morphine may be produced; dan

(b) dengan menggantikan takrif "raw opium" dengan takrif yang berikut:

"raw opium" means the coagulated juice obtained from any plant from which morphine may be produced, whatever its content of morphine and in whatever form the coagulated juice is, but does not include medicinal opium;.

3. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 37.

(a) dengan menggantikan subperenggan (iii) perenggan (da) dengan subperenggan (iii) dan (iiia) yang berikut:

"(iii) 15 grammes or more in weight of monoacetylmorphines;

(iii)a a total of 15 grammes or more in weight of heroin, morphine and monoacetylmorphines or a total of 15 grammes or more in weight of any two of the said dangerous drugs;”;

(b) dengan memotong perkataan “or” dalam subperenggan (v) perenggan (da);

(c) dengan memasukkan subperenggan (va) baru selepas subperenggan (v) perenggan (da):

“(va) a total of 1,000 grammes or more in weight of prepared opium and raw opium;” dan

(d) dengan menggantikan subperenggan (vi) perenggan (da) dengan subperenggan (vi), (vii) dan (viii) yang berikut:

“(vi) 200 grammes or more in weight of cannabis;

(vii) 200 grammes or more in weight of cannabis resin; or

(viii) a total of 200 grammes or more in weight of cannabis and cannabis resin,”.

Pindaan
seksyen 39A.

4. Seksyen 39A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan baru (a), (b), (c), (d), (e), (f) dan (g) yang berikut:

“(a) 5 grammes or more in weight of heroin;

(b) 5 grammes or more in weight of morphine;

(c) 5 grammes or more in weight of monoacetylmorphines;

(d) a total of 5 grammes or more in weight of heroin, morphine and monoacetylmorphines or a total of 5 grammes or more in weight of any two of the said dangerous drugs;

(e) 250 grammes or more in weight of raw opium;

(f) 250 grammes or more in weight of prepared opium; or

(g) a total of 250 grammes or more in weight of raw opium and prepared opium,”.

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 40A dengan seksyen yang berikut :

Pindaan
seksyen 40A.

"Evidence
of agent
provocateur
admissible.

40A. (1) Notwithstanding any rule of law or the provisions of this Act or any other written law to the contrary, no agent provocateur shall be presumed to be unworthy of credit by reason only of his having attempted to abet or abetted the commission of an offence by any person under this Act if the attempt to abet or abetment was for the sole purpose of securing evidence against such person.

(2) Notwithstanding any rule of law or the provisions of this Act or any other written law to the contrary, and that the agent provocateur is a police officer whatever his rank or any officer of customs, any statement, whether oral or in writing made to an agent provocateur by any person who subsequently is charged with an offence under this Act shall be admissible as evidence at his trial."

6. Bahagian III Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Bahagian III
Jadual
Pertama.

(a) dengan memasukkan butiran "Monoacetyl-morphines" selepas butiran "Metopon"; dan

(b) dengan memasukkan perkataan " , whether raw, prepared or medicinal" selepas butiran "Opium".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Akta 234.

2. *Fasal 2* bertujuan membuat pindaan kepada seksyen 2 Akta tersebut. Ia bertujuan untuk mentakrifkan semula istilah "opium poppy" supaya apa-apa tumbuhan dari mana morfin boleh dihasilkan termasuk ke dalam makna "opium poppy". Ia juga bertujuan untuk mentakrifkan semula istilah "raw opium". Takrif yang sedia ada menghadkan makna candu mentah kepada jus beku spontan yang didapati daripada tumbuhan Papavar Somniferum L. Dengan pindaan yang dicadangkan jus beku yang didapati daripada mana-mana tumbuhan dari mana morfin boleh dihasilkan akan termasuk ke dalam makna "raw opium".

3. Perenggan (da) seksyen 37 Akta memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang didapati memiliki mana-mana dadah berbahaya tertentu yang ditetapkan sebanyak kuantiti yang ditetapkan atau lebih, mengikut berat, selain daripada mengikut kuasa Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai mengedar dadah berbahaya tersebut. *Fasal 3 (b)* bertujuan untuk mengajukan monoasetilmorfin sebagai suatu lagi dadah yang anggapan akan berkuatkuasa jika mana-mana orang didapati memiliki 15 gram atau lebih dadah tersebut. Pindaan itu juga bertujuan menambah tiga kategori anggapan baru yang meliputi jumlah berat sebanyak 15 gram atau lebih heroin, morfin dan monoasetilmorfin atau jumlah berat sebanyak 15 gram atau lebih mana-mana dua daripada dadah berbahaya tersebut, atau jumlah berat sebanyak 200 gram atau lebih ganja dan damar ganja dan juga jumlah berat sebanyak 1,000 gram atau lebih candu masak dan candu mentah.

Kemasukan monoasetilmorfin dan tambahan tiga kategori anggapan baru adalah perlu bagi mencegah berlakunya lakuna dalam undang-undang.

4. Di bawah *Fasal 4*, seseorang yang disabit atas sesuatu kesalahan terhadap Akta di mana hal perkaranya adalah heroin atau morfin atau monoasetilmorfin seberat 5 gram atau lebih atau jumlah berat sebanyak 5 gram atau lebih heroin, morfin dan monoasetilmorfin atau jumlah berat sebanyak 5 gram atau lebih mana-mana dua daripada dadah tersebut atau berat sebanyak 250 gram atau lebih candu mentah atau candu masak atau jumlah berat sebanyak 250 gram atau lebih candu mentah dan candu masak boleh dihukum dengan penjara seumur hidup atau tidak kurang dari lima tahun dan sebat tidak kurang daripada enam sebatan.

Kemasukan monoasetilmorfin adalah berbangkit oleh kerana ia telah dimasukkan ke anggapan mengenai pemilikan dadah-dadah tertentu yang dinyatakan. Pindaan itu juga bertujuan menambah penalti di mana hal perkara sesuatu kesalahan di bawah Akta ialah jumlah berat sebanyak 250 gram atau lebih candu mentah dan candu masak.

5. *Fasal 5* bertujuan memperbuat semula seksyen 40A supaya seseorang agen provocateur tidak boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai semata-mata oleh sebab dia telah cuba bersubahat atau bersubahat melakukan suatu kesalahan oleh mana-mana orang yang bukan sahaja khususnya di bawah seksyen 39B atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tetapi juga di bawah mana-mana peruntukan Akta sekiranya percubaan bersubahat atau subahat itu adalah bertujuan hanya untuk mendapatkan keterangan terhadap orang-orang sedemikian.

Tujuan subseksyen (2) baru diajukan adalah supaya apa-apa kenyataan yang dibuat kepada agen provocateur oleh mana-mana orang yang kemudiannya didakwa dengan suatu kesalahan adalah boleh diterima sebagai keterangan tanpa mengira sama ada agen provocateur itu adalah seorang pegawai polis berpangkat apa pun atau mana-mana pegawai kastam.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda Bahagian III Jadual Pertama supaya dimasukkan monoasetilmorfin ke senarai dadah dalam Bahagian III dan meluaskan makna candu bagi meliputi candu mentah, candu masak dan candu untuk ubat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1296.]

